

# PENGARUH KOPERASI DI TANAH RANCANGAN: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

ASAN ALI GOLAM HASSAN  
SEKOLAH EKONOMI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## Sinopsis/Synopsis

*Di setiap tanah rancangan, dua buah koperasi telah dibentuk. Sebuah koperasi yang menjalankan fungsi serbaguna (Koperasi Serbaguna FELDA) di tubuhkan oleh peneroka atas galakan serta sokongan oleh FELDA. Selain itu, FELDA telah menubuhkan Koperasi Permodalan FELDA (KPF) pada tahun 1980. Koperasi-koperasi di tubuhkan bagi menggalakkan tabungan peneroka dan mengadakan kemudahan-kemudahan pelaburan wang yang disimpan. Pada tahun 1993, mesyuarat agong KPF telah meluluskan pemberian dividen sebanyak 15 peratus. Pada kebiasaannya Koperasi Serbaguna FELDA (KSF) pula akan membayar dividen pada kadar 10 peratus setahun bergantung kepada kestabilan koperasi. Dividen-dividen ini sedikit sebanyak berupaya meningkatkan pendapatan peneroka. Melalui kertas kerja ini, penyelidik cuba membincangkan impak penglibatan peneroka dalam aktiviti koperasi dan kesannya terhadap peningkatan pendapatan serta agihan pendapatan di setiap kawasan kajian. Penyelidik cuba mendapatkan perhubungan di antara jangkamasa tanah rancangan telah diusahakan dengan peratusan sumbangan koperasi kepada pendapatan bulanan peneroka. Selain itu, kajian juga cuba melihat adakah wujud sebarang perhubungan di antara saham peneroka dalam KPF dengan pendapatan bulanan peneroka dan lamanya tanah rancangan telah dimajukan. Akhirnya, adakah impak koperasi akan mengurangkan peratusan pendapatan golongan miskin atau ia hanya memberi peluang kepada golongan kaya menambah pendapatan mereka.*

*In every land's scheme two co-operatives are formed. A co-operative that have a multipurpose function (Koperasi Serbaguna FELDA or KSF) has been formed by the land's entrepreneur with the support of FELDA. In 1980, FELDA has formed the Koperasi Permodalan FELDA (KPF). This co-operative has been formed to encourage saving among the settlers and to prepare the investment facility for this savings. In 1993, KPF approved the dividend of 15 percent. This amount is greater than the dividend and bonus given by Amanah Saham Bumiputera. The KSF usually give the dividend at the rate of 10 percent annually depends on the co-operative stability. More or less this dividends can increase the land's entrepreneur income. Through this study, the researcher tries to discuss the impact of the settlers' involvement in the co-operative activity and its effect on the income increment and income distribution in every selected areas under this study. The researcher also tries to show the relation between the period that land's has been utilized with the percentage given by the co-operative to the land's entrepreneur monthly income. The research also tries to observe whether there is any linkages between land's entrepreneur share in KPF with the monthly income and the period that land's has been utilized. Lastly, does the co-operative impact will decrease the percentage of the poor society or only give the opportunity to the rich group increase their income without being realized.*

# 1. LATARBELAKANG KAJIAN

## 1.1 Pengenalan

Dua jenis koperasi telah wujud di tanah rancangan FELDA. Sebuah daripadanya menjalankan fungsi tabungan iaitu Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dan sebuah lagi menjalankan fungsi serbaguna iaitu di dalam kajian ini disebut sebagai Koperasi Serbaguna FELDA (KSF). KPF yang ditubuhkan pada 1 Julai 1980 adalah bagi menggalakkan penyimpanan wang oleh ahli-ahlinya dan mengadakan kemudahan pelaburan bagi wang yang disimpan.

Sehingga 1 Julai 1990, 45.3% dari jumlah peneroka FELDA telah menjadi ahli KPF. Selepas 1 Julai 1990 KPF telah memberikan saham percuma kepada semua peneroka serta kakitangan FELDA bernilai RM200 seorang.

Daripada keseluruhan jumlah saham KPF (sehingga 31 Disember 1993) yang bernilai RM113,649,134 sebanyak RM58,301,569 (51.3%) dimiliki oleh peneroka, RM2,282,697 (2%) oleh isteri peneroka dan RM62,118 (0.1%) oleh anak peneroka. Purata simpanan setiap peneroka ialah sebanyak RM472 (KPF,1994).

Selain KPF, setiap tanah rancangan FELDA mempunyai sebuah KSF yang ditubuhkan oleh peneroka. Keahliannya terbuka kepada peneroka di kawasan tersebut sahaja yang biasanya mempunyai ahli melebihi 300 orang.

Koperasi yang pertama di rancangan tanah FELDA bagi menjalankan fungsi serbaguna telah ditubuhkan di Bukit Tembaga, Kedah pada tahun 1959. Koperasi di tanah rancangan FELDA yang ditubuhkan selepas 1974 (kebanyakannya kelapa sawit) mensyaratkan setiap peneroka menjadi ahli koperasi dan FELDA bersetuju membuat caruman saham melalui potongan pendapatan bulanan peneroka (Mahmud,1985). Selepas tahun yang sama juga, KSF diberi peluang menguruskan kerja mengangkut buah kelapa sawit (BTB) dari ladang ke kilang.

Antara aktiviti KSF ialah mengangkut hasil ladang, perkhidmatan kedai runcit, bas awam, bas sekolah, lori tangki dan teksi, kontrak membuat dan memperbaiki jalan-jalan pertanian, stesen minyak dan bengkel kenderaan, membekalkan input pertanian dan barang binaan, perkilangan (usahasama), jualan alat elektrik, perabot, insuran dan lain-lain.

Sehingga Ogos 1992, sebanyak 265 buah koperasi serbaguna telah ditubuhkan di kawasan FELDA dengan keahlian seramai 107,426 orang (91% dari jumlah keseluruhan peneroka) dengan modal saham sebanyak RM24,512,490 dan harta terkumpul sebanyak RM53,338,524 (Abdul Majid, 1993). Sehingga Disember 1993, koperasi-koperasi ini (termasuk badan peneroka) juga telah melabur sebanyak RM25,257,518 di dalam KPF (22.2% dari jumlah saham KPF) (Mahmud,1985).

## 1.2 Isu dan Penyataan Masalah

Koperasi di tanah rancangan FELDA telah ditubuhkan sejak penghujung 1950an lagi dan ianya bersesuaian dengan peruntukan di dalam Akta Tanah (Penempatan Beramai-ramai) yang menyebut;

*"digalakkan penubuhan koperasi dalam rancangan-rancangan tanah untuk mengendalikan hal-hal berkaitan dengan sosio-ekonomi peneroka".*

Diharapkan melalui aktiviti berkoperasi matlamat penubuhan FELDA untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang bersikap positif terhadap pembangunan, progresif, berdisiplin dan maju dijangka akan lebih mudah dicapai.

Walau bagaimanapun, koperasi yang ditubuhkan di tanah rancangan FELDA (KSF) seringkali gagal dalam mencapai matlamat penubuhannya kerana kurangnya semangat berkoperasi di kalangan masyarakat peneroka. Malah, ramai peneroka telah hilang kepercayaan bahawa KSF mampu untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Bagi mereka, keahlian dalam KSF hanyalah bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh FELDA.

Terdapat juga KSF yang tidak dapat membayar dividen kepada ahlinya (peneroka) kerana kekurangan modal pusingan. Ini secara tidak langsung mungkin melemahkan semangat peneroka untuk menambah sahamnya dalam koperasi.

Dalam tahun 1976, Skim Simpanan Peneroka telah dilancarkan. Salah satu tujuan skim ini ialah untuk menggalakkan peneroka menabung pendapatan mereka termasuk dalam koperasi. Sejauh mana skim ini mencapai kejayaan masih menjadi tanda tanya.

Bagi melengkapkan matlamat meningkatkan taraf hidup peneroka, FELDA telah menubuhkan KPF dan ia dikendalikan di Ibu Pejabat FELDA di Kuala Lumpur. Melalui pemberian saham percuma kepada semua peneroka menjadikan 54.7 peratus peneroka yang sebelum ini tidak menjadi ahli kepada KPF, secara langsung telah menjadi ahli kepada KPF.

Mungkinkah cadangan penubuhan kedua-dua koporasi ini yang *"songsang dari atas ke bawah"* (ditubuhkan atas cadangan FELDA bukan atas kesedaran peneroka untuk berkoperasi) akan berupaya meningkatkan pendapatan peneroka? dan mungkinkah melalui masa, simpanan peneroka di dalam kedua-dua buah koperasi tersebut akan terus meningkat atau kekal pada tahap minimum yang ditetapkan oleh KSF atau/dan kekal pada tahap pemberian saham percuma oleh KPF. Jika saham peneroka dalam koperasi terus meningkat berdasarkan umur tanah rancangan tersebut, mungkin ia akan menggambarkan bahawa dalam jangka panjang, peratus pendapatan peneroka melalui sumbangan

aktiviti koperasi akan meningkat. Akhirnya, adakah dengan adanya dua jenis koperasi ini, ia akan mempengaruhi agihan pendapatan di tanah rancangan?

### 1.3 Objektif Kajian

1. Membuat satu kajian perbandingan tentang purata pecahan pendapatan peneroka di setiap kawasan kajian.
2. Membuat satu kajian perbandingan tentang peratusan daripada pendapatan mereka yang dilaburkan di dalam KPF dan hubungannya dengan lamanya tanah rancangan tersebut telah dimajukan.
3. Membuat satu kajian perbandingan tentang peratusan keaktifan di dalam KPF dan hubungannya dengan lamanya tanah rancangan tersebut telah dimajukan.
4. Membuat satu kajian perbandingan tentang peratus sumbangan koperasi kepada pendapatan peneroka dan hubungannya dengan lamanya tanah rancangan tersebut telah dimajukan.
5. Membuat satu kajian perbandingan tentang perubahan dalam agihan pendapatan peneroka akibat impak koperasi dan hubungannya dengan lamanya tanah rancangan tersebut telah dimajukan.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Antara kata-kata pemimpin-pemimpin negara;

*"koperasi sebagai salah satu jalan untuk mengatasi masalah yang sering timbul di kalangan masyarakat luar bandar".*

(Sanusi, 1991:4)

*"Gerakan Koperasi haruslah berperanan sebagai 'Gerakan Pembangunan Rakyat' dan sebagai jentera pelaksana Dasar Ekonomi Baru. Ahli koperasi harus ditingkatkan kepada 5 juta orang menjelang tahun 2000 dan hampir semua keluarga di Malaysia menyertai Gerakan Koperasi yang tulen dan menjadikannya sebagai satu tenaga yang popular serta berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara keseluruhannya".*

(Ghafar, 1987:6)

*"pada tahun 2020 dijangkakan 10 peratus daripada pelaburan datangnya daripada institusi koperasi".*

(Khalid, 1991:3)

"kebanyakan bantuan kerajaan disalurkan untuk kemudahan prasarana fiskal dan bekalan, tetapi terdapat kurangnya pembangunan institusi untuk memperkukuhkan semangat berdikari dikalangan petani. Koperasi desa boleh memainkan peranan penting bagi membantu golongan miskin mengukuhkan keadaan mereka dari segi pengeluaran, pemasaran, kredit dan sebagainya", ....

(MAPEN,1991:100)

"Pendekatan DEB terhadap golongan berpendapatan rendah seperti menyediakan sekolah, biasiswa dan subsidi adalah penting. Sungguhpun begitu, usaha tersebut saja tidak akan menyelesaikan masalah GPR. Mereka haruslah diberi kesempatan untuk memajukan diri dengan menyertai persatuan atau koperasi bagi membolehkan mereka berdikari dan menjadi peserta yang terlibat dalam pembangunan".

(MAPEN,1991:201)

Dari kenyataan-kenyataan di atas, kajian ini akan cuba melihat kesan koperasi ke atas pendapatan dan agihan pendapatan di tanah rancangan. Adakah wujud hubungan secara positif, negatif atau tiada hubungan langsung di antara umur tanah rancangan dengan peratusan ini? Kajian ini juga akan melihat berapa peratuskah peneroka di kawasan kajian yang aktif melabur dalam koperasi. Akhirnya, adakah dengan berkoperasi peratus golongan berpendapatan rendah akan berkurangan atau sebaliknya?

### 1.5 Latarbelakang Kawasan Kajian

Jadual 1 : Maklumat Kawasan Kajian

	Peringkat	Bil. Peneroka	Tahun Kebun Dimajukan	Tahun Kemasukan Peneroka	Keluasan (Hektar)
Felda Bukit Goh	1	448	1966/67	1970	1,986
	2	120	1966/67	1970	494
	3	61	1968/69	1970	249
	4	42	1972/73	1974	1273
Felda Bukit Kuantan	1	329	1969/70	1973	1,344
	2	121	1970/71	1973	498
Felda Bukit Sagu	1	64	1976/77	1982	266
	2	115	1977/78	1982	458
	3	59	1977/78	1982	240
	4	166	1977/78	1982	671
Felda Bukit Sagu Dua	1	159	1981/82	1987	651
Felda Bukit Sagu Tiga	1	152	1981/82	1988	639

Sumber : Bahagian Operasi, Ibu Pejabat Felda, Kuala Lumpur

## 1.6 Metodologi Kajian

### 1.6.1 Pembentukan Model Kajian

Pendapatan bulanan kasar peneroka yang diperolehi berdasarkan hasil jualan buah kelapa sawit akan melalui tiga peringkat potongan iaitu, potongan ladang, potongan kebajikan dan potongan tunggakan yang lepas. Potongan ladang terbahagi kepada tiga itu, bayaran cukai, bayaran kembali dan bayaran tanam semula. Bagi potongan kebajikan ia terbahagi kepada potongan kedai runcit, caruman kepada JKRR, caruman kepada Tabung Haji, caruman kepada Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Bumiputera (ASB), caruman kepada KPF, caruman hari raya dan pendahuluan (berdasarkan maklumat dalam slip gaji peneroka di kawasan kajian).

Pada setiap penghujung tahun peneroka akan menerima dividen berdasarkan saham mereka dalam KPF dan KSF. Selain daripada ini, ahli-ahli koperasi juga menerima elaun mesyuarat agung KSF antara RM10 hingga RM15. Untuk tujuan penyelidikan ini, dividen dan elaun ini akan dibahagi dengan 12 bagi mendapatkan dividen dan elaun bulanan mereka. Bagi mereka yang telah dipilih untuk berkhidmat sebagai Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan lain-lain ahli Lembaga Pengarah, sebahagiannya dibayar elaun di antara RM100 hingga RM250 sebulan. Elaun mesyuarat agung (setelah dibahagi dengan 12) dan elaun yang diterima oleh sesetengah Ahli Lembaga Pengarah akan dianggap sebagai pendapatan yang mereka terima dari KSF.

Berdasarkan pecahan-pecahan pendapatan seperti tersebut, dua persamaan adentiti dibentuk:

$$Y = X_1 + X_2 + X_3 + X_4 + X_5 + X_6 \quad \dots (1)$$

Model (1) menunjukkan jumlah pendapatan bulanan peneroka tidak termasuk bahagian yang diterima dari koperasi.

$$Y = X_1 + X_2 + X_3 + X_4 + X_5 + X_6 + X_7 + X_8 + X_9 \quad \dots (2)$$

Model (2), menunjukkan jumlah pendapatan bulanan peneroka termasuk bahagian yang diterima dari koperasi.

dimana;

- Y = jumlah pendapatan bulanan
- X<sub>1</sub> = potongan Kedai Runcit
- X<sub>2</sub> = caruman hari raya puasa
- X<sub>3</sub> = caruman kepada JKRR
- X<sub>4</sub> = caruman KPF
- X<sub>5</sub> = pendahuluan
- X<sub>6</sub> = baki bersih pendapatan peneroka
- X<sub>7</sub> = Dividen bulanan KPF

X8 = Dividen bulanan KSF

X9 = pendapatan yang diterima dari KSF

Pendapatan peneroka dari sumber ekonomi yang lain (seperti dari aktiviti ternakan, perniagaan dan lain-lain) dan dari sumber yang tidak ekonomi (seperti pencen, pemberian anak, biasiswa sekolah dan lain-lain) tidak dimasukkan dalam model ini dan dianggap sebagai pembolehubah rawak dengan purata sifar kerana kurang dari tujuh peratus peneroka di kawasan ini yang terlibat dengan sumber tersebut (melalui maklumat yang diterima dari Pengurus FELDA di kawasan masing-masing). Kajian oleh Maktab Kerjasama Malaysia (1991) di tanah rancangan FELDA mendapati kebanyakan peneroka memperoleh pendapatan sampingan yang kurang dari RM100 sebulan.

### 1.6.2 Sampel dan Pengumpulan Data

Data-data yang digunakan di dalam kajian ini didapati daripada Ibu Pejabat FELDA dan Ibu Pejabat Koperasi Permodalan FELDA. Selain itu data juga didapati daripada Pejabat FELDA dan Pejabat Koperasi Serbaguna FELDA di kawasan tanah rancangan yang telah dipilih dalam kajian ini. Maklumat mengenai pendapatan bulanan peneroka (termasuk potongan) didapati daripada penyata pendapatan peneroka (slip gaji) bagi bulan September 1993 di setiap Pejabat FELDA di kawasan masing-masing. Pendapatan peneroka bagi bulan September telah dipilih kerana pada bulan ini pendapatan peneroka agak sederhana dan dapat menggambarkan pendapatan peneroka secara purata dalam satu tahun.

Data mengenai saham peneroka dalam KPF didapati dari Ibu Pejabat Koperasi Permodalan FELDA. Saham peneroka sehingga penghujung tahun 1993 telah di ambil bagi tujuan penyelidikan ini. Data mengenai saham peneroka dalam Koperasi Serbaguna FELDA, elaun mesyuarat agung dan elaun Lembaga Pengarah Koperasi diambil daripada pejabat koperasi di setiap tanah rancangan yang telah dipilih. Selain daripada data-data sekunder, data-data primer pula didapati melalui temubual dengan Setiausaha Kehormat KPF, Pengurus-Pengurus di setiap tanah rancangan, Ahli Lembaga setiap KPF yang dipilih dan melalui pemerhatian sendiri.

Kaedah Persampelan Rawak Berserata telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Kaedah ini agak sesuai digunakan memandangkan umur tanah rancangan (tahun kemasukan peneroka) yang berbeza antara satu dengan lain.

### 1.6.3 Penganalisaan Data

Bagi mendapatkan Angkali Gini, formula berikut akan digunakan:

$$\text{Angkali Gini} = \frac{5,000 - \text{kaw. yang diliputi oleh keluk Lorenz}}{5,000}$$

Kawasan yang diliputi oleh Keluk Lorenz =

$$\sum_{i=1}^n (\text{PRG}_i \text{PPGB}_{i-1}) + 0.5(\text{PRG}_i \text{PPG}_i)$$

Angkali Gini boleh ditulis sebagai:

$$\frac{5000 - \sum_{i=1}^n (\text{PRG}_i \text{PPGB}_{i-1}) + 0.5(\text{PRG}_i \text{PPG}_i)}{5000}$$

di mana:

- $i$  = nombor group (kumpulan)
- $n$  = bilangan semua group
- $\text{PRG}_i$  = peratus responden dalam group ke  $i$
- $\text{PPG}_i$  = peratus pendapatan dalam group ke  $i$
- $\text{PPGB}_{i-1}$  = peratus pendapatan group berlonggok yang terdahulu (lag)



## 1.7 Hipotesis Kajian

1. Adakah semakin lama tanah rancangan tersebut telah diusahakan semakin tinggi saham peneroka dalam KPF?
2. Adakah penglibatan koperasi di tanah rancangan akan meningkatkan pendapatan peneroka?
3. Adakan penglibatan koperasi di tanah rancangan akan memperbaiki agihan pendapatan?
4. Adakah peratus sumbangan koperasi kepada jumlah pendapatan peneroka akan meningkat apabila semakin lama tanah rancangan tersebut telah diusahakan?

## 2. ANALISIS KEPUTUSAN

	Kaw. 1 Bkt. Goh		Kaw. 2 Bkt. Kuantan		Kaw. 3 Bkt. Sagu 1		Kaw. 4 Bkt. Sagu 2 & 3	
	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%
Purata Pecahan Pendapatan								
Kedai runcit	204	33.9	270	37.1	266	40.1	273	20.0
Caruman Hari Raya	19	3.1	26	3.6	29	4.4	28	2.2
JKKR	5	0.8	5	0.7	5	0.7	5	0.4
Caruman KPF	7	1.2	3	0.4	1	0.1	13	1.0
Pendahuluan Tunai	75	12.5	95	13.0	187	28.1	200	16.0
Baki Bersih	290	48.5	330	45.2	177	26.6	727	58.4
Purata Saham Peneroka Dalam KPF	686		347		312		401	
Keuntungan Bersih KSF	116,171		48,501		68,449		-	
Purata Saham Peneroka Dalam KSF	180		120		232		100	

## 2.1 Keaktifan Peneroka Dalam KPF

**Jadual 2: Kedudukan Responden Dalam KPF**

Kawasan Kajian	Saham Dalam KPF			Aktif	Kurang Aktif	Tidak Aktif (%)
	Purata	Min. (RM)	Max.			
Kawasan 1	686	200	6740	13	22	65
Kawasan 2	347	200	1800	8	47	45
Kawasan 3	312	200	5500	3	2	95
Kawasan 4	401	200	1395	42	11	47

Min. = terkecil

Max. = terbesar

## 2.2 Impak Koperasi Kepada Pendapatan Peneroka

**Jadual 3: Impak Koperasi Di Kawasan Kajian**

Kawasan Kajian	Y tanpa Koop.			Y dgn. Koop.			Kenaikan			% purata
	(RM)			(RM)			(RM)			
	purata	min.	max.	purata	min.	max.	purata	min.	max.	
Kawasan 1	601	200	1349	620	206	1353	19	6	266	3.1
Kawasan 2	730	294	3209	745	297	3212	15	3	213	2.0
Kawasan 3	665	597	748	675	601	893	10	4	153	1.5
Kawasan 4	1246	905	1694	1257	909	1705	11	2	202	0.9

Y = Pendapatan

**Jadual 4: Pecahan Responden kepada Tiga Kumpulan Pendapatan**

2.3

Kawasan Kajian	40 % terendah					
	Tanpa Impak koop.		Dgn. Impak koop.		perubahan Y	
	purata Y	%	purata Y	%	RM	%
Kawasan 1	RM381	25.4	RM390	25.2	9	2.3
Kawasan 2	RM481	26.4	RM486	26.1	6	1.2
Kawasan 3	RM620	37.6	RM624	36.6	4	0.6
Kawasan 4	RM1146	36.8	RM1152	36.7	6	0.5
=====						
20 % tertinggi						
	Tanpa Impak koop.		Dgn. Impak koop.		Kenaikan	
	purata Y	%	purata Y	%	RM	%
Kawasan 1	RM942	31.4	RM975	31.5	33	3.4
Kawasan 2	RM1301	37.5	RM1037	35.1	7	0.5
Kawasan 3	RM741	22.5	RM744	22.4	3	0.4
Kawasan 4	RM1408	22.6	RM1432	22.8	24	1.7

3.

Secara

1.

2.

3.

4.

5.

## 2.3 Angkali Gini

**Jadual 5: Angkali Gini dan Ketakseimbangan Agihan Pendapatan**

	Sebelum Impak Koperasi	Selepas Impak Koperasi	Kesan ke atas Ketakseimbangan Agihan Pendapatan
Bukit Goh	0.213	0.213	tiada kesan
Bukit Kuantan	0.237	0.232	berkurangan sebanyak 2.2%
Bukit Sagu 1	0.036	0.044	meningkat sebanyak 18.2%
Bukit Sagu 2 & 3	0.051	0.054	meningkat sebanyak 5.6%

## 3. KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhan hasil kajian boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Tidak wujud sebarang perhubungan di antara lamanya tanah rancangan telah diusahakan dengan jumlah saham atau/dan keaktifan peneroka dalam KPF;
2. Tidak wujud sebarang perhubungan di antara umur peneroka dengan jumlah saham atau/dan keaktifan mereka dalam KPF;
3. Tidak wujud sebarang perhubungan di antara pendapatan peneroka dengan jumlah saham dan/atau keaktifan peneroka dalam KPF;
4. Impak koperasi berupaya meningkatkan pendapatan bulanan peneroka;
5. Wujud hubungan secara positif di antara lamanya tanah rancangan telah diusahakan dengan peratus peningkatan pendapatan bulanan peneroka;

6. Impak koperasi berupaya mengurangkan peratusan pendapatan kumpulan 40 peratus peneroka berpendapatan terendah di setiap kawasan kajian (impak koperasi mengecilkan peratusan golongan yang berpendapatan rendah);
7. Impak koperasi di kawasan kajian tidak meningkatkan peratusan pendapatan kumpulan 20 peratus peneroka yang berpendapatan tinggi dengan peratus kenaikan yang besar (impak koperasi tidak menjadikan orang yang kaya bertambah kaya).
8. Impak koperasi berupaya mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan (dari segi perubahan Angkali Gini) di tanah rancangan FELDA dalam jangka masa panjang.
9. Tindakan FELDA melalui polisi "Pendapatan Terjamin" akan menyeragamkan pendapatan bulanan peneroka dan seterusnya akan mengecilkan nilai Angkali Gini.
10. Galakan berterusan yang diberikan oleh pegawai-pegawai FELDA berupaya meningkatkan saham peneroka dalam KPF; dan
11. Kewujudan "Peraih Buah" yang menjalankan fungsi sebagai "orang tengah" akan meningkatkan masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan di tanah rancangan.
12. Penubuhan koperasi haruslah disusuli dengan semangat ingin berkoperasi.

### **3.1 CADANGAN REFORMASI**

1. Keahlian dalam koperasi haruslah terbuka secara sukarela dan bukan melalui paksaan (seperti yang termaktub dalam prinsip-prinsip koperasi);
2. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (ANGKASA) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) tidak seharusnya bersaing dalam menganjurkan program-program pendidikan dan kesedaran di kalangan ahli-ahli, kakitangan syarikat koperasi atau orang ramai.
3. FELDA seharusnya menumpukan perhatian yang jitu kepada perkembangan KPI dan KSF kerana ia boleh dianggap sebagai pelengkap dalam mencapai matlamat penubuhan FELDA.
4. FELDA harus terus mendedahkan kepada para peneroka tentang keupayaan koperasi meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Tabungan peneroka dalam KPF melalui potongan pendapatan bulanan harus terus digalakkan. Dalam masa yang sama, FELDA juga perlu memikirkan cara yang sesuai untuk meningkatkan saham peneroka dalam KSF (mungkin juga boleh dibuat melalui potongan pendapatan bulanan);

KSF seharusnya mempunyai keupayaan membayar dividen kepada ahli-ahlinya walaupun dengan peratusan yang kecil (kecuali diperingkat awal penubuhannya) bagi meningkatkan keyakinan dan mengalakkan ahli-ahlinya menambah saham mereka;

Cadangan menubuhkan Koperasi Gabungan Tanah-Tanah Rancangan FELDA Bhd. (GAKOPEN) merupakan sesuatu yang bijak dan harus disegerakan; dan

KSF harus mengambilalih peranan yang dimainkan oleh "peraih buah" bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan pendapatan yang ketara di tanah rancangan.

## **STRATEGI PERLAKSANAAN**

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang ditubuhkan pada tahun 1990 haruslah membentuk satu dasar (Dasar Koperasi Negara) yang sistematik dan bersepadu bagi menjamin perkembangan gerakan koperasi yang lebih mantap dan berkesan;

Strategi pembangunan koperasi tidak harus dipisahkan daripada arus pembangunan utama (mainstream development activity). Sebaliknya ia harus dilaksanakan seiring dengan rancangan-rancangan pembangunan yang lain seperti yang terdapat di dalam rancangan lima tahun negara dan rancangan jangka panjang negara;

Kefahaman peneroka tentang faedah berkoperasi harus terus ditingkatkan. Lebih banyak kursus-kursus harus dianjurkan di tanah-tanah rancangan atau lebih ramai peneroka-peneroka di hantar berkrusus di MKM. Dalam masa yang sama, ANGKASA seharusnya menumpukan perhatian kepada program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Koperasi. Dalam jangka masa panjang, ANGKASA seharusnya boleh mengambilalih pengurusan dan pengendalian MKM dan menjadi "pendaftar" kepada semua jenis koperasi di Malaysia;

FELDA harus merangka satu dasar yang jelas tentang fungsi dan tujuan penubuhan KSF (koperasi yang ditubuhkan oleh peneroka atas galakkan FELDA). FELDA haruslah menubuhkan satu Jawatan Kuasa Khas bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh KSF, projek-projek yang boleh diceburi dan prospek perkembangan KSF di masa akan datang;

Semua tender di tanah rancangan harus diberi prioriti kepada KSF dan FELDA sentiasa membantu menyalurkan pinjaman modal pusingan bila difikirkan perlu;

KSF harus diberi lebih banyak peluang untuk meningkatkan aktivitinya samada mengusahakan ruang perniagaan atau/dan tanah pinggir. Dalam masa yang sama, langkah ini akan memberi peluang pekerjaan sampingan kepada peneroka atau/dan anak-anak peneroka di tanah rancangan;

7. KSF juga harus bertindak sebagai pengedar bagi hasil keluaran peneroka samada hasil pertanian, ternakan atau/dan hasil kraftangan;
8. Perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh KPF di tanah rancangan FELDA seperti kedai runcit, stesyen minyak atau sebagainya adalah lebih wajar diserahkan kepada KSF bagi mengelakkan persaingan yang tidak sihat. Jika ini dapat dilaksanakan, dalam jangkamasa panjang KSF mungkin dapat membayar "ribet" (hadiah atas langganan) kepada ahli-ahlinya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Majid Abdullah. 1993. Cadangan Penubuhan GAKOPEN. Kertas kerja di bentangkan di *Kursus Khas Kepimpinan Koperasi*, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, 8-10 April, ms.1-2.
- Asan Ali Golam Hassan. 1992. Koperasi Merupakan Gerakan Pembangunan Rakyat *PELANCAR*, Oktober:16-17.
- Asan Ali Golam Hassan. 1992. Koperasi Mampu Basmi Kemiskinan. *PELANCAR*, Disember: 34-36.
- Asan Ali Golam Hassan. 1993. Penubuhan Koperasi, Ahli Mesti Ada Keperluan Bersama. *PELANCAR*, Januari: 38-39.
- Blair, A.S. & Nache, M.N. 1978. Prilimenary Analysis of FELDA Income Pattern. *Land Development Digest*. Vol.1.
- Blair, A.S. & Nache, M.N. 1980. *Changing Rural Life Style*: Kuala Lumpur. FELDA.
- Chamhuri Siwar & Mohd Hafiah Piei. (1988). *Kemiskinan dan Strategi Pembasmian Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzil Yunus. 1993. Peranan Masyarakat FELDA di dalam Merealisasikan Wawasan 2020. Kertas Kerja di bentangkan di *Kursus Khas Kepimpinan Koperasi*, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, 8-10 April, ms.3-8.
- FELDA. *Laporan Tahunan 1991*, ms.21.
- Fredericks, L.J. 1986. *The Co-operative Movement in West Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Gafar Baba. 1987. Ucapan Perasmian di *Mini Kongres Koperasi*, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kuala Lumpur, 30-31 Mac, ms.6-7.
- Ishak Shari. 1992. National Agricultural Policy, Rural Poverty and Income Inequalities: A Critical Evaluation. *The Malaysian Journal of Agricultural Economics*: 1-28.
- Jomo, K.S. 1990. *Growth and Structural Change in the Malaysian Economy*. London: The Macmillan Press.
- Kakwani, Nanak C. 1980. *Income Inequality and Poverty: Methods of Estimation and Policy Application*. New York: Oxford University Press.
- Koperasi Permodalan FELDA. *Laporan Tahunan 1993*, ms.7-10.



- Koperasi Permodalan FELDA. *Laporan Mesyuarat Agung 1992*, ms.10-31.
- Loehr, W. & Powelson, J.R. 1981. *The Economics of Development and Distribution*. New York: Harcourt Brace Jovanivich.
- Mahmud Yusof. 1985. Perjalanan dan Pengurusan Koperasi-Koperasi di dalam Rancangan FELDA. Kertas kerja dibentangkan di *Bengkel Pegawai-Pegawai JPK Malaysia*. Jabatan Pembangunan Koperasi, Kuala Lumpur, 13-15 November, ms.2-3.
- Maktab Kerjasama Malaysia. 1991. *Prestasi Koperasi Di Bawah FELDA dan Sudut Bukan Kewangan*, Kertas Penyelidikan Unit Pengurusan Perniagaan, Maktab Kerjasama Malaysia, Kuala Lumpur, ms.12-28.
- Malaysia. 1991. *Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Mohd Khalid Mohd Yunus. 1991. Ucapan Dasar di *Kursus Kepimpinan Koperasi*, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, 2-4 September, ms.3-4.
- Roff, R.W. 1984. *Kerjasama dan Koperasi Di Semenanjung 1910-1914*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sanusi Junid. 1983. Pembangunan Koperasi Sebagai Satu Strategi Pembangunan Negara. Kertas kerja yang di bentangkan di *Kursus Kepimpinan Koperasi*, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, 9-15 Oktober, ms.4.
- Sulong Mohamad. 1985. *Petempatan FELDA, Perspektif Perancangan Bandar dan Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumdrum, R.M. 1990. *Income Distribution in Less Developed Countries*. London: Routledge
- Syed Hussain Wafa. 1974. *Land Development Strategies In Malaysia: An Empirical Study*. Occasional Paper NO.2. Malaysian Center for Development Studies. May 1974.
- Tunku Shamsul Bahrin & Lee Boon Thong. 1988. *FELDA 3 Decades of Evolution* Kuala Lumpur: FELDA.
- Zainal Azman Yusof. 1991. Distribution Policies and Program: The Malaysian Experience. In Lee Kiong Hock & Shyamala Nagaraj (ed.) *The Malaysian Economy Beyond 1990*. Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur. ms.358-365

# KOMPONEN PENDAPATAN PENEROKA

$$Yb = Hl \times h$$

$$Ybb = Yb - (Kp_1 + Kp_2 + \dots Kp_n)$$

$$Yi = Ybb/Ba$$

$$Yib = Yi - (Pl_1 + Pl_2 + Pl_3) - Tpl_{t-1}$$

$$YibP = Yib - (Pk_1 + Pk_2 + \dots Pk_n) - Tpk_{t-1}$$

a:

$Yb$  = pendapatan blok

$Ybb$  = pendapatan blok bersih

$Yi$  = pendapatan individu

$Yib$  = pendapatan individu bersih

$YibP$  = pendapatan individu bersih yang dibawa pulang

$Hl$  = hasil ladang (tan)

$h$  = harga pasaran BTB

$Kp$  = kos penyelenggaraan

$Ba$  = bilangan ahli dalam blok tersebut

$Pl$  = potongan ladang

$Pk$  = potongan kebajikan

$Tpl_{t-1}$  = tunggakan potongan ladang yang lepas

$Tpk_{t-1}$  = tunggakan potongan kebajikan yang lepas